

19 APR 2001

Mahathir-Afrika (Bergambar)

KEBEBASAN POLITIK TIDAK CUKUP UNTUK BANGUNKAN NEGARA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Kebebasan politik dan sumber-sumber ekonomi tidak cukup untuk membangunkna negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata apa yang lebih penting ialah keupayaan untuk mengeksploitasi dan mengusahakan sumber-sumber ini demi kebaikan rakyat.

Dengan merujuk kepada Afrika sebagai contoh, Dr Mahathir berkata benua dengan 53 negara itu mempunyai sumber ekonomi yang besar seperti mineral tetapi masih menghadapi pelbagai masalah seperti kemiskinan dan ketidakstabilan politik.

Beliau berkata, banyak negara di Afrika dan Asia mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua dengan harapan mereka boleh menentukan nasib sendiri.

"Tetapi tidak lama selepas itu kita sedar yang memiliki kebebasan politik sahaja tidak akan membawa kita apa-apa, selagi kita tidak belajar memajukan negara kita dan mencapai kebebasan ekonomi," kata beliau di Dialog Golongan Muda Afrika dan Intelektual yang dianjurkan oleh Pertubuhan Penuntut Afrika di Malaysia, dengan kerjasama Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata bukan seperti kebebasan politik yang bukan begitu sukar untuk dicapai melalui pelbagai cara seperti rundingan, peperangan dan subversi, kebebasan ekonomi pula kes lain sama sekali.

"Tetapi untuk mencapai kebebasan ekonomi ia lain sama sekali. Sebenarnya ia memerlukan disiplin yang lebih lagi... disiplin yang akan memaksa kita berusaha demi keperluan dan cita-cita kita."

Perdana Menteri berkata pembangunan sebuah negara juga memerlukan pentadbiran yang baik dan kemahiran dalam pentadbiran seperti yang diwarisi Malaysia sejak kemerdekaan.

Beliau berkata, bukan seperti Malaysia, banyak negara lain mencapai kemerdekaan melalui perang gerila atau kaedah lain.

Oleh kerana kebebasan dicapai melalui peperangan dan keganasan, peralihan politik negara-negara ini bukan mudah dan ramai pemimpin tidak dapat mentadbir negara mereka dengan baik.

"Dengan itu banyak negara dengan sumber yang besar tidak dapat capai kemajuan yang sepatutnya. Jadi kita perlu menoleh ke belakang sekarang... henti seketika dan kaji semula," kata beliau.

Oleh sebab itu Dr Mahathir berkata generasi muda sekarang mempunyai tanggungjawab lebih besar terhadap negara mereka.

"Mereka perlu sedar yang bukan populariti yang anda perlukan tetapi keupayaan untuk mentadbir negara dan membangunkannya".

Dengan merujuk kepada Malaysia, Perdana Menteri berkata ia memutuskan untuk mencontohi model Jepun untuk membangun dan telah memperkenalkan "Dasar Pandang Ke Timur".

Beliau berkata negara-negara membangun mesti berkorban dan perlu belajar sesuatu daripada yang lain dan juga harus menolak beberapa daripada tradisi yang tidak menyumbangkan kepada kemajuan mereka.

Beliau berkata, Malaysia juga menerima konsep Pensyarikatan Malaysia untuk merapatkan hubungan antara kerajaan dan sektor swasta demi kebaikan negara, walaupun beberapa negara Barat telah mengutuk amalan ini atas alasan ia membuka laluan bagi kronisme.

"Pengajaran penting... tidak harus sentiasa bergantung kepada sumber tradisional untuk mendorong kita. Perlu menoleh ke tempat lain untuk lihat

sama ada terdapat sesuatu untuk mendorong kita," kata beliau.

Beliau berkata, Malaysia percaya dalam membantu dan memakmurkan negara-negara lain, termasuk mereka yang makmur dan ini akan membawa manfaat bersama daripada segi perdagangan dan pelancongan antara lain.

Malaysia telah membuktikan komitmennya kepada Afrika dengan pelaburannya dan melalui saluran lain seperti Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SIAD), forum-forum untuk membincangkan perkongsian pintar dan pertukaran pengalaman bersama negara-negara selatan.

Beliau menasihatkan pemimpin muda dan masa depan Afrika untuk "terima apa yang baik dan tolak apa yang buruk bagi negara mereka".

-- BERNAMA

RV RV PR